



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 9 RABU 2 MACH, 1966. 1385 رابو 10 ذوالقعدة PERCHUMA

Sharikat Minyak Shell Berharap

PROJEK PERTANIAN DI-SINAUT MEMBERI PERTULONGAN KAPADA PETANI2 TEMPATAN

SINAUT. — Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah melahirkan harapan bahawa projek pertanian yang di-jalankan oleh Sharikat Minyak itu di-Sinaut, akan dapat menolong petani2 tempatan mengenai chara2 yang terator dan lebeh baik dalam usaha untuk menambahkan hasil pendapatan mereka di-negeri ini.

Demikian di-nyatakan oleh Ketua Projek Pertanian Shell, Awang C. H. Huddart ketika beliau beruchap kapada lebeh dari 30 orang Penghulu2 dan Ketua2 Kampong dari Daerah Tutong yang telah melawat ka-Pusat Pertanian Shell itu pada petang hari Juma'at 25 Februari, 1966.

Dalam ucapan-nya, Awang Huddart telah memberi penerangan berkenaan dengan kerja, tugas2 dan tujuan Sharikat Minyak Shell dalam usaha-nya membena Pusat Pertanian Shell di-Sinaut ia-itu mengandongi sa-luas kira2 55 ekar.

"Pertanian ada-lah penting bagi penduduk2 di-negeri ini. Meskipun ada penduduk2 di-Brunei yang bekerja dengan

Sharikat Minyak Shell, tetapi hanya sedikit bilangan-nya yang memerlukan galakkan", kata-nya lagi.

Di-antara para hadhirin semasa lawatan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Daerah Tutong ka-Pusat Pertanian Shell di-Sinaut pada hari tersebut ia-lah Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh; Pengurus Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awang P. E. Thompson; Ahli2 Majlis2 Mashuarat Negeri dan Daerah serta Pegawai2 Kanan Sharikat Minyak Shell.




Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh (bilangan kedua dari

kiri di-hadapan sekali) serta lain2 orang kelihatan dalam gambar ini semasa melawat ka-Pusat Pertanian Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Sinaut pada petang hari Juma'at 25 Februari, 1966.

★ ★ ★

Ini-lah satu pemandangan Pusat Pertanian Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad di-Sinaut, Daerah Tutong. Luas kawasan pertanian itu ia-lah kira2 55 ekar.



Pemereksaan Sukatan dan Timbangan

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Pemereksa Sukatan dan Timbangan, Brunei akan berada di-Bandar Brunei hingga ka-hari Sabtu 5 Mach, 1966 untuk memereksa alat2 sukatan dan timbangan.

Pemilihan Ketua2 Kampong

KUALA BELAIT. — Pemilihan Ketua Kampong Lumut akan di-adakan di-Balai Raya Lumut pada hari Ahad 6 Mach, 1966 mulai jam 8 pagi.

Pada hari tersebut juga, mulai jam 10-30 pagi akan di-adakan pemilihan Ketua Kampong Sungai Liang bertempat di-Balai Raya Sungai Liang.

Penduduk2 kampong2 tersebut ada-lah di-minta hadir di-Balai Raya Kampong mereka pada tarikh dan masa yang telah di-tetapkan itu untuk memilih Ketua2 Kampong yang berkenaan.

Anggota2 A. M. D. B. Berlateh Di-Kota Belud

BANDAR BRUNEI. — Seramai 100 orang anggota Askar Melayu Di-Raja Brunei telah belayar ka-Jesselton dalam sebuah kapal R.C.T. Tentera Laut Di-Raja British pada petang hari Sabtu 26 Februari, 1966 dalam perjalanan mereka ka-Kota Belud.

Perajurit2 itu telah di-ketuai oleh Sarjan Major Shamsudin bin Tahir.

Mereka akan berlateh dalam hal ehwal ketenteraan di-Perkhemahan Paradise, Kota Belud selama satu bulan, mulai pada hari Ithnin 28 Februari dan akan tamat pada penghujung bulan ini.

Ini-lah rombongan yang kedua perajurit2 dari Askar Melayu Diraja Brunei yang menerima latehan dalam hal ehwal ketenteraan di-Perkhe-

mahan Paradise, Kota Belud.

Ramai keluarga2 dan sahabat2 handai anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei tersebut, telah menguchapkan selamat belayar kapada mereka di-pelabohan Bandar Brunei pada petang hari tersebut sambil menguchapkan sa-moga mereka akan selamat balek katanah ayer sa-lepas berlateh di-Kota Belud.

Keputusan Peperiksaan Kelas Dewasa Pelajaran

Rendah 1965

BANDAR BRUNEI. — Peperiksaan Kelas2 Dewasa Pelajaran Rendah telah di-adakan di-beberapa tempat dalam negeri ini pada 10 Disember, 1965.

Keputusan peperiksaan tersebut bagi Bahagian Brunei I telah di-siarkan dalam akhbar ini pada hari Rabu 16 Februari, 1966, manakala keputusan peperiksaan tersebut bagi Bahagian Brunei II pula telah di-siarkan pada hari Rabu 23 Februari, 1966.

Pada keluaran kali ini, "Pelita Brunei" menyiarkan keputusan peperiksaan tersebut bagi Bahagian Brunei III, ia-itu seperti berikut:

BAHAGIAN BRUNEI III

SEKOLAH MELAYU PANCHOR MURAI

1. Awg. Lamit bin Baha lulus Tingkatan Menengah; 2. Awg. Kasim bin Ladi lulus Tingkatan Menengah; 3. Awg. Hj. Buang bin Hj. Ludin lulus Tingkatan Menengah; 4. Awg. Halim bin Hj. Ludin lulus Tingkatan Menengah.

5. Awg. Radin bin Tujal lulus Tingkatan Permulaan; 6. Awg. Hj. Damit bin Hussin lulus Tingkatan Permulaan; 7. Awg. Jair bin Pandi lulus Tingkatan Permulaan; 8. Awg. Sisa bin Muhammad lulus Tingkatan Permulaan; 9. Awg. Garip bin Musa lulus Tingkatan Permulaan; 10. Awg. Ahim bin Mahal lulus Tingkatan Permulaan.

11. Awang Ibrahim bin Hussin lulus Tingkatan Permulaan; 12. Awg. Lammat bin Timor lulus Tingkatan Permulaan; 13. Awg. Gapar bin Musa lulus Tingkatan Permulaan; 14. Awg. Tali bin Rais lulus Tingkatan Permulaan; 15. Awg. Md. Tahir bin Tuah lulus Tingkatan Permulaan.

SEKOLAH MELAYU SUNGAI BESAR

1. Awg. Hj. Ibrahim bin Puteh lulus Tingkatan Permulaan; 2. Dy. Siti Hawa binte Tudin lulus Tingkatan Permulaan.

SEKOLAH MELAYU BATU MARANG

1. Dy. Husni binte Damit lulus Tingkatan Permulaan.

SEKOLAH MELAYU KAMPONG MENUNGGOL

1. Ja'afar bin Kassim lulus Tingkatan Menengah; 2. Omar bin Daud lulus Tingkatan Menengah; 3. Matdon bin Dollah lulus Tingkatan Menengah.

SEKOLAH MELAYU KASAT

1. Dollah bin Serudin lulus Tingkatan Menengah; 2. Donglah bin Hj. Tasim lulus Tingkatan Menengah; 3. Abu Bakar bin Badar lulus Tingkatan Permulaan; 4. Abd. Hamid bin Abdullah lulus Tingkatan Permulaan.

SEKOLAH MELAYU BATU MARANG

1. Dy. Aminah bte. Ampuan Kula lulus Tingkatan Menengah; 2. Dy. Salbiah bte. Bidin lulus Tingkatan Permulaan; 3. Dy. Kamaliah binte Bini lulus Tingkatan Permulaan.

SEKOLAH MELAYU BATU MARANG

1. Pgn. Aluddin bin Pgn. Omar Ali lulus Tingkatan Menengah; 2. Md. Salleh bin Bini lulus Tingkatan Menengah.

SEKOLAH MELAYU BERBUNUT

1. Apong bin Lingga lulus Tingkatan Permulaan; 2. Abd. Rahman bin Ali Hashan lulus Tingkatan Permulaan; 3. Timbang bin Ismail lulus Tingkatan Permulaan; 4. Nasir bin Ja'afar lulus Tingkatan Permulaan.

SEKOLAH MELAYU PUTAT
1. Arshat bin Moktal lulus Tingkatan Permulaan; 2. Merali bin Hj. Salleh lulus Tingkatan Permulaan; 3. Hashim bin Tuah lulus Tingkatan Permulaan; 4. Gapar bin Moktal lulus Tingkatan Permulaan.

SEKOLAH MELAYU PUDAK
1. Md. Yussof bin Lakim lulus Tingkatan Permulaan; 2. Hamid bin Kamis lulus Tingkatan Permulaan; 3. Hussin bin Lakim lulus Tingkatan Permulaan.

LANTEKAN2 BARU

AWANG Noordin bin Abdul Latiff, Penguasa Pelajaran Melayu Brunei telah di-lantek menjadi Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, pada masa Awang MacInnes berchuti.

Awang Mohamed Hussain bin Mohamed Yusof, Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei telah di-lantek menjadi Penolong Penguasa Pelajaran Melayu Brunei.

Awang Mohamed Hashim bin Haji Tahir, Nadzir Kanan Sekolah2 Melayu Brunei telah di-lantek menjadi Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei.

Awang Mohamed Daud bin Serudin, Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong telah di-lantek menjadi Nadzir Kanan Sekolah2 Melayu Brunei.

Awang Haji Mohamed Yasin bin Haji Metassim, Pemangku Nadzir Pelajaran Dewasa Brunei telah di-lantek menjadi Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I.

Awang Abdullah bin P.H.A. Bakar, Guru Besar Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait telah di-lantek menjadi Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong II.

laan; 4. Salim bin Tahir lulus Tingkatan Permulaan; 5. Jali bin Hj. Sapar lulus Tingkatan Permulaan.

6. Kula bin Tajuddin lulus Tingkatan Permulaan; 7. Nasar bin Hj. Bakar lulus Tingkatan Permulaan; 8. Ahmad bin Hj. Arsad lulus Tingkatan Permulaan; 9. Kula bin Idris lulus Tingkatan Menengah; 10. Puting bin Md. Noor lulus Tingkatan Menengah.

11. Jumat bin Hj. Arsad lulus Tingkatan Menengah; 12. Nudin bin Alias lulus Tingkatan Menengah; 13. Hj. Latif bin Hj. Arif lulus Tingkatan Menengah.

KAMPONG SERDANG

1. Sarah binte Bungsu lulus Tingkatan Permulaan; 2. Kalas binte Ahmad lulus Tingkatan Permulaan; 3. Azizah binte Mahmon lulus Tingkatan Permulaan; 4. Jamaliah binte Mo-hiddin lulus Tingkatan Permulaan; 5. Liah binte Mahmor lulus Tingkatan Permulaan; 6. Zabidah binte Wahab lulus Tingkatan Permulaan.

SEKOLAH MELAYU MASIN

1. Hj. Kamis bin Hj. Kadir lulus Tingkatan Permulaan; 2. Othman bin Kula lulus Tingkatan Permulaan; 3. Hj. Muhammad bin Hj. Tuah lulus Tingkatan Permulaan; 4. Musa

bin Hj. Tudin lulus Tingkatan Permulaan; 5. Safar bin Dollah lulus Tingkatan Permulaan.

6. Md. Said bin Alim lulus Tingkatan Permulaan; 7. Pgn. Munaf bin Pgn. Metassan lulus Tingkatan Permulaan; 8. Mahmud bin Talip lulus Tingkatan Permulaan; 9. Hj. Tudin bin Hj. Taha lulus Tingkatan Permulaan; 10. Bakir bin Shawal lulus Tingkatan Permulaan.

11. Momin bin Kasim lulus Tingkatan Permulaan; 12. Baha bin Hj. Butir lulus Tingkatan Permulaan; 13. Tahir bin Hj. Halal lulus Tingkatan Permulaan.

KAMPONG JUNJONGAN BRUNEI

1. Haji Duruman bin Hj. Kasim lulus Tingkatan Permulaan; 2. Md. Daud bin Gagah lulus Tingkatan Permulaan; 3. Maidin bin Lari lulus Tingkatan Permulaan; 4. Maidin bin Mirassan lulus Tingkatan Permulaan; 5. Untong bin Shawal lulus Tingkatan Permulaan; 6. Fatimah binte Hj. Bakir lulus Tingkatan Permulaan; 7. Dy. Damit binte Salleh lulus Tingkatan Permulaan.

SEKOLAH MELAYU PULAU BERBUNUT

1. Maimunah binte Ibrahim lulus Tingkatan Permulaan; 2. Armah binte Lingga lulus Tingkatan Permulaan; 3. Banun bte. Lingga lulus Tingkatan Permulaan; 4. Chuchu binte Karim lulus Tingkatan Permulaan.

*Berbakti-lah Kapada Negara
Dengan Menggunakan Bahasa
Melayu
Bahasa Rasmi Negara Pada
Sa-Tiap Masa*

AHLI2 JAWATAN KUASA TERTINGGI P.G.G.M.B

BANDAR BRUNEI. — Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi Persekutuan Guru2 Melayu Brunei yang telah di-pileh sa-chara undi sulit dalam Mashuarat Agong P.G.G.M.B. pada hari Juma'at 18 Februari, 1966, ada-lah seperti berikut:

Yang Dipertua — Awang Suni bin Idris. Timbalan Yang Dipertua — Awang Mohsin bin Pengiran Damit.

Pengerusi Tetap — Awang Hashim bin Haji Tahir.

Setia Usaha Agong — Awang Umar bin Muhammad (Di-pileh sa-mula pada tahun yang ka-9). Setia Usaha Kewangan — Awang Mohamed Daud bin Seruddin (Di-pileh sa-mula pada ta-

hun yang ka-9).

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi P.G.G.M.B. tersebut akan melantek Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir dan lain2 Jawatan Kuasa P.G.G.M.B. bagi tahun 1966.

15 ORANG LAGI MENGHADHIRI LATEHAN PEMULEHAN DI-BUNUT

BUNUT. — Sa-ramai 15 orang tahanan dari Khemah Tahanan Berakas telah di-pindahkan ka-Pusat Pemulehan Bunut, pada hari Ithnin 14 Februari, 1966 untuk menghadhiri latehan pemulehan sa-lama dua bulan sa-belum di-bebaskan.

Mereka akan di-bebaskan pada 16 April, 1966.

SOKAN DAN OLAH-RAGA

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan2 Sokan dan Olah-Raga bagi Sekolah2 Melayu Rendah ia-itu darjah enam ka-bawah, dan darjah tujuh ka-atas di-istilahkan Sekolah Melayu Menengah; telah disusun ranchangan2 perlawanan sa-tahun.

Bahagian Sekolah2 Melayu Menengah hanya berlawan dengan Maktab2, Sekolah2 Missi dan Sekolah2 bantuan Kerajaan sahaja.

Jenis2 perlawanan yang di-ranchangkan dalam masa sa-tahun ada-lah saperti berikut:

(a) PERINGKAT SEKOLAH MELAYU RENDAH.

1. Rentas Desa (Cross Country); 2. Sokan (Athletic); 3. Hoki; 4. Sepak Raga Jaring; 5. Bola Sepak.
6. Bola Tampar (Volley Ball); 7. Bola Jaring (Net Ball); 8. Bulu Tangkis (Badminton); 9. Ping Pong.

(b) PERINGKAT MAKTAB2, SEKOLAH2 MENENGAH, SEKOLAH2 MISSI DAN SEKOLAH2 BANTUAN KERAJAAN.

1. Sokan (Athletic); 2. Hoki; 3. Sepak Raga Jaring; 4. Bola Sepak; 5. Bola Tampar (Volley Ball); 6. Bola Jaring (Net Ball).

Semua perlawanan dari peringkat rendah hingga ka-peringkat Maktab2 dan Menengah ada-lah atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei.

Tingkatan2 Perlawanan:

(a) Bagi Peringkat Sekolah Rendah di-bahagikan ka-pada dua tingkatan perlawanan ia-itu: —

- (1) Di-namakan peringkat daerah ia-itu perlawanan antara Sekolah2 dalam sa-suatu daerah untuk memilih perwakilan daerah masing2 memasoki ka-perlawanan peringkat Negeri.

- (2) Di-namakan peringkat Negeri ia-itu perlawanan antara Johan dari tiap2 Daerah untuk merebut gelaran Johan sa-Negeri Brunei, dan Johan sa-Negeri Brunei akan menjadi wakil Sekolah2 rendah memasoki ka-peringkat perlawanan Maktab2 dan Sekolah2 Menengah.

- (b) Bagi Peringkat Maktab2 dan Sekolah2 Menengah, perlawanan-nya terus di-namakan peringkat negeri, peserta2-nya terbuka ka-pada seluruh negeri ia-itu atas nama perwakilan dari Maktab2, Sekolah2 Menengah, Sekolah2 Missi atau Sekolah2 Bantuan Kerajaan.

Peratoran2 dan susunan lengkap tiap2 jenis perlawanan akan di-ator dan di-kelolakan oleh Penolong2 Penyusun Pendidikan Jasmani (Assistant Organiser Physical Education) dari Jabatan Pelajaran Brunei.

RENTAS DESA (Cross Country)

Perlawanan Rentas Desa antara Sekolah2 Melayu Rendah.

oleh Awang Md.

Hussain Zainal

Perlawanan ini ada-lah ranchangan tahunan atas anjoran Jabatan Pelajaran Brunei. Perlawanan Peringkat Daerah akan di-jalankan dalam minggu pertama bulan Mach, 1966.

Peratoran Perlawanan: —

- (a) Tiap2 sa-buah Sekolah hanya di-benarkan mengadakan tiga pasokan ia-itu terdiri: —

- (i) Kumpulan laki2 "A" tingkatan umur di-lahirkan dalam tahun 1951 ka-atas.

- (ii) Kumpulan laki2 "B" tingkatan umur di-lahirkan dalam tahun 1952 ka-atas. Peserta2 yang mengambil dalam bahagian ini hanya murid2 yang mempunyai surat beranak sahaja di-terima ka-dalam perlumbaan.

- (iii) Kumpulan Perempuan tidak di-hadkan umur peserta-nya.

- (b) Tiap2 sa-pasokan ramai peserta-nya 6 orang dan sa-orang Simpanan. Tiap2 peserta di-bolehkan mengambil dua bahagian perlumbaan ia-itu berpasokan dan persa-orangan.

LUMBA BASIKAL CHARA PANTAI

Perlumbaan basikal chara pantai atas anjoran Persekutuan

an Guru2 Melayu Brunei, ada-lah projek tahunan, kerana memperingati ulang tahun meresmikan Bangunan Guru2 Melayu Brunei dan Sambutan Meshuarat agong Persekutuan Guru2 Melayu, Brunei kali yang ke-XVIII.

Chatetan Perlawanan Kali Pertama Tahun 1965:

- (i) Jauh perlumbaan sa-jauh 9 batu; berlepas di-simpang jalan Markas Askar Melayu Di-Raja Brunei dan penghabisan di-hadapan Bangunan Guru2 Melayu Brunei.

- (ii) Keputusan Perlawanan: —

PERTAMA: Awang Albert Khoo dari Maktab SOAS, dengan menchatet masa 22 minit 19.3 sa'at, dan memegang Perisai Rebutan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

KEDUA: Awang Ronnie Thomas dari Maktab SOAS, dengan menchatet masa 22 minit 21.4 sa'at.

KETIGA: Awang Chin Yin Wah dari Maktab SOAS, dengan menchatet masa 22 minit 27.3 sa'at.

PERLUMBAAN KALI KEDUA TAHUN 1966

- (i) Perlumbaan ini telah di-langsungkan pada 25 Februari, 1966.

- (ii) Jauh perlumbaan ia-lah 16 batu, ia-itu berlepas dari Pekan Muara dan penghabisan di-hadapan Bangunan Guru2 Melayu Brunei.

- (iii) Dato Setia Awang A. W. J. Slater, Pesuruh Jaya Polis Di-Raja Brunei telah menyampaikan hadiah Rebutan dan hadiah2 kapada peserta2 yang berjaya dalam perlumbaan itu.

Kelas2 Dewasa Bahasa Inggeris

BANDAR BRUNEI. — Kelas2 Dewasa Petang Bahasa Inggeris akan di-adakan pada tahun ini di-Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait sa-bagaimana yang telah di-adakan pada tahun2 yang lalu.

Kelas2 Dewasa tersebut di-adakan di-Maktab2 dan Sekolah yang berikut:

Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.
Maktab Anthony Abell, Seria.
Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 2 Mach hingga ka-hari Selasa 8 Mach, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
2	2	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
3	3	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
4	4	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
5	5	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
6	6	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
7	7	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
8	8	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Jawatan2 Kosong Di-Jabatan Dewan Bahasa Dan Pustaka

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari orang2 Melayu untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka:

1. KETUA PENTERJEMAH (satu jawatan).

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (a) Lulus Sijil Persekolahan Tertinggi (Higher School Certificate) dengan mendapat Peringkat Tertinggi (Principal Level) dalam bahasa Melayu dan Inggeris, atau kelayakan2 yang sebanding dengan-nya; dan mempunyai pengalaman menterjemah selama sekurang2-nya 10 tahun; atau,
- (b) Lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris, atau kelayakan2 yang sebanding dengan-nya; dan mempunyai pengalaman menterjemah selama sekurang2-nya 15 tahun.

Gaji — Dalam sukatan gaji \$930x30 - 1200. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENTERJEMAH (dua jawatan).

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (a) Lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris, atau kelayakan2 yang sebanding dengan-nya; dan
- (b) Pengalaman menterjemah selama sekurang2-nya dua tahun.

Gaji — Dalam sukatan gaji \$380x20 - 620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan — Kontrek selama 3 tahun termasuk masa percutiaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis — Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang, chuti, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi dari pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 1 April, 1966.

70 Peratus Chadangan P.G.G.M.B. Di-Tunaikan Oleh Kerajaan

BANDAR BRUNEI—Awang Shahbudin bin Saleh, selaku Yang Dipertua Persekutuan Guru2 Melayu Brunei bagi tahun 1965 - 1966 berkata dimajlis pembukaan rasmi Mashuarat Agong P.G.G.M.B. baru2 ini bahawa dalam beberapa rancangan dan chadangan yang telah di-hadapkan kepada Kerajaan, boleh-lah dikatakan bahawa 70 peratus daripada-nya telah pun dapat di-tunaikan. Di-antara-nya ialah Sekolah Menengah Melayu sudah pun di-mulakan di-Bandar Brunei.

"Sekolah Menengah Melayu yang ada pada waktu ini adalah sa-bagai langkah permulaan Jabatan Pelajaran membuka lambaran sejarah barunya dalam bidang pelajaran bagi memenuhi kehendak2 ra'ayat negeri ini", kata beliau.

Selanjut-nya Awang Shahbudin berkata, "Oleh itu dalam menilai mutu-nya harus-lah kita dasarkan ukuran kita di atas usia-nya yang begitu muda sekali, kerana ia-nya baru lahir membawa unsor baru untuk merangkak ka-alam pendidIKAN yang sa-sunggoh-nya.

Kita harapkan sa-moga menjadi asas untuk bertapak katingkatan yang lebih tinggi lagi. Dan sa-moga keadaan perjalanan Sekolah Menengah Melayu ini hendak-nya biar-lah sentiasa menjadi tumpuan harapan ukoran yang membawa keyakinan kepada kita, bahawa ia-nya akan benar2 lengkap untuk menghadapi perkembangan2 dan kehendak2 ilmu pendidIKAN waktu ini.

Dengan ada-nya Sekolah Menengah Melayu ini pada hemat saya, sa-kurang2-nya kita dapat bersaing dengan Sekolah Menengah Inggeris Kerajaan dan Sekolah Menengah China yang pada waktu ini telah kukuh kedudukan-nya di-negeri kita ini.

Jadi, dengan membandingkan perjalanan Sekolah Menengah China umpama-nya, yang telah berjalan sekian lama itu, maka saya rasa ada-lah lebih daripada sa-layak-nya kita mengadakan Sekolah Menengah Melayu di-negeri kita ini.

Dalam bidang ini juga, sa-bagai satu perkara yang mengembirakan kita semua ia-lah mengenai rancangan Jabatan Pelajaran yang akan membuka lagi Sekolah2 Menengah dalam beberapa mata jurusan pelajaran termasuk dalam akademik dan Teknik di-tiap2 daerah negeri ini. Projek sarupa ini ada-lah sentiasa di-sambut dengan baik-nya oleh PGGMB

dan berharap supaya penglaksanaan-nya akan dapat kita saksikan bersama.

Akhir2 ini PGGMB menerima pula perubahan tingkatan gaji dan alon Guru2. Dalam so'al ini, walau pun tidak menepati dan memenohi saperti yang di-chadangkan oleh PGGMB, tetapi ini sa-kurang2-nya ada-lah di-anggap sa-bagai satu kejayaan bagi pehak PGGMB dalam perjuangan-nya.

Menyentuh mengenai keramaian ahli2 PGGMB. Dari sa-tahun ka-satahun ahli2 PGGMB kian bertambah ramai. Pada tahun ini bilangan ahli2 sudah meningkat kepada lebih 1,000 orang ahli. Tetapi bilangan ini ada-lah maseh jauh kurang-nya jika di-bandingkan dengan negeri2 lain yang mempunyai bilangan ahli hingga beratus2 ribu orang.

Dalam pada itu PGGMB, ada-lah mendapat kepentingan dan kedudukan yang saajar dalam Pertubuhan Guru2 Sadunia. Kerana so'al keramaian ini bukan-lah menjadi ukoran maju atau mundur-nya sa-sabuah Persekutuan itu. Tetapi chita2, usaha dan kegiatan2 yang bernafas dan bertenaga itu-lah tempat meletakkan sa-genap perinchian.

Sa-lain daripada itu sa-bagai salah satu daripada syarat mutlak untuk mencapai kejayaan2 itu ada-lah di-sebabkan kebijaksanaan dan rasa tanggung jawab yang diambalkan oleh Pentadbiran-nya. Pegawai2 yang mentadbir sa-sabuah Persekutuan itu harus-lah sentiasa mau menambah dan mengisikan dada-nya dengan ilmu pengetahuan — berkechimpong dalam alam pendidIKAN dan meninggikan SEK TOR ekonomi yang di-anggap sa-bagai darah dalam badan untuk mengukuhkan pendirian dalam sendi kehidupan di-segenap usaha2 selanjut-nya. Dan sa-terus-nya mengamalkan faham social dalam kalangan penghidupan hari2.

Saya lagi mengucapkan berbanyak2 terima kasih kepada semua anggota2 JKT khas-nya dan seluruh ahli 'am-nya, di atas kerjasama yang begitu erat di-antara satu dengan lain hingga terchapainya chita2 kita dalam beberapa peringkat kemajuan.

Kapada Pegawai Pentadbir baru yang bakal mengambil alih teraju Pentadbiran Persekutuan pada petang ini khas-nya, dan kapada semua ahli2 'am-nya; maka saya dengan ikhlas-nya menyematkan sa-chebis harapan dan do'a samuga tuan2 akan lebih berte-

naga dan bergiat lagi dalam menghadapi masa2 depan untuk mencapai kejayaan2 yang di-kehendaki oleh persekutuan kita.

Hendak-nya perkataan "BERSATU, BERJAYA, MAJU," itu bukan saja di-jadikan chogan atau semboyan Persekutuan ini. Tetapi benar2 dapat di-jadikan amalan pada sa-tiap langkah yang akan di-lakukan.

Sa-moga di-tahun baru ini Ahli2 PGGMB, akan lebih yakin lagi bahawa masa depan kita akan sentiasa cerah. Insha Allah sa-lagi tuan2 bergerak di-atas dasar2 yang halal dengan menjunjong semangat kerjasama dan perpaduan, maka kejayaan2 pesti kita nikmati bersama.

Sabelum mengundor diri, maka izinkan-lah saya meninggalkan pusaka sa-rangkai kata; Bintang cerah di-langit biru Bayu lembut mendayu-dayu Hidupkan-lah semangat guru Untuk menegakkan bangsa Melayu

Dan akhir kata saya ucapkan selamat maju jaya dalam menempoh masa depan kita. Sakian, terima kasih."

Kelas Latehan Menterjemah

BANDAR BRUNEI.—Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, akan mengadakan satu Kelas Penterjemah untuk Pegawai2 Kerajaan yang berhajat hendak mendapatkan ilmu pengetahuan yang sa-demikian.

Kelas ini akan di-adakan di-Bandar Brunei tiga kali saminggu, ia-itu sa-lepas waktu bekerja. Ketetapan waktu-nya akan di-beritahu kemudian.

Sharat2 masok ka-dalam kelas ini ada-lah saperti berikut:-

- (1) Mempunyai kelulusan sekurang2-nya telah melalui Tingkatan Lima dalam Persekolahan Menengah.
- (2) Ada bakat untuk menjadi penterjemah.

Borang2 permohonan dan kenyataan lanjut boleh-lah didapati dari Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Borang2 permohonan hendak-lah di-hantar ka-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, tidak lewat dari 15 Mach, 1966.

Melawat Padang Minyak

SERIA. — Seramai 20 orang pemuda-pemudi dari Kampong Sigundang, Brunei telah melawat ka-padang minyak Setia baru2 ini.



Y.A.M. PENGIRAN MUDA DATO PADUKA KEMALUDDIN

Kemajuan Pelajaran Ugama Di-Brunei

BANDAR BRUNEI.—Penge-tua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin berkata dalam satu wawanchara dengan beliau kelemarin bahawa Kerajaan Brunei akan menghantarkan seramai 8 orang lagi penuntut2 perempuan untuk melanjutkan pelajaran di-Sekolah Menengah Arab di-Malaya dan mereka akan belajar di-sabua Sekolah Arab di-Keluang, Johore.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin menjelaskan bahawa inilah tahun yang pertama Kerajaan Brunei memberi beasiswa kapada penuntut2 perempuan untuk melanjutkan pelajaran dalam hal ehwal ugama.

Pada hari Ahad yang lalu lima orang penuntut2 perempuan telah berangkat ka-Malaya untuk belajar di-sabua Sekolah Arab di-Gunong Semanggol, Perak.

"Tujuan Kerajaan memberi beasiswa kapada penuntut2 perempuan di-negeri ini untuk melanjutkan pelajaran ugama di-luar negeri ia-lah bagi mengatasi kesukaran mendapat Guru2 Perempuan dari luar negeri untuk mengajar di-Sekolah2 Ugama di-Negeri Brunei.

Kerajaan juga mempunyai rancangan untuk membangunkan Sekolah Menengah Arab Perempuan di-negeri ini", kata beliau.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin berharap bahawa perkembangan Pelajaran Ugama di-negeri ini di-jangka lebih sempurna dan luas kira2 dalam masa 10 tahun akan datang, bilamana penuntut2 perempuan yang di-hantar ka-luar negeri akan mengambil bahagian yang chergas dalam mengendalikankan Persekolahan Arab Menengah di-Negeri Brunei.

Dalam lawatan tersebut mereka telah melawat ka-Pusat Pameran, Kumpulan Tangki2, Bengkel2 Perishinan dan Pateri serta ka-lain2 tempat.

Dunia Hari Ini:

Pergolakkan Kuasa Di-Ghana

oleh Hanafi Joffri

PERGOLAKKAN negara sekarang ini sudah tidak menjadi so' al yang mengejutkan, di-dasarkan kepada banyak berlaku atau terchetus-nya peristiwa2 itu selepas perang dunia kedua, yang menjadikan pengetahuan umum.

Dalam semua krisis, kebanyakan dari pergolakkan kerana rampasan kuasa ini adalah berlaku di-luar kawasan Asia Tenggara, seperti di-Timur Tengah, Afrika dan Amerika Selatan.

Menyentuh tentang tiga buah benua itu tadi, di-Afrika sendiri sebanyak tujuh buah negara telah menjadi mangsa "coup d'etat".

Ini ada-lah meliputi Congo Leopoldville, Republic Afrika Tengah, Chad, Nigeria, Dahomey, Upper Volta dan di-Ghana seminggu yang lalu.

RAMPAS KUASA

Di-Ghana, pehak tentera merampas kuasa, ketika pemimpin-nya Kwame Nkrumah dan beberapa orang rombongan kerajaan republik itu sedang melawat Peking, dalam perjalanan untuk menchuba melaksanakan perundingan damai mengenai Vietnam.

Sa-perti di-lain2 negara, rampasan kuasa di-Accra awal pada pagi Khamis lepas itu telah menghadapi tentangan dari pehak yang ta'at kepada Nkrumah, sejurus sa-lepas kekuasaan di-umumkan melalui radio Accra oleh sa-orang colonel, di-perchayai E. K. Kotoka dari Brigade ke-dua tentera jalan kaki Ghana. Dalam lain2 perkataan tembak menembak di-sana sini berlaku di-bandar raya itu.

Hingga semalam keadaan di-Accra maseh belum di-ketahui kerana siaran2 singkat oleh Colonel Kotoka menjadikan sukar untuk di-buat penilaian.

Kotoka hanya mengumumkan pembubaran dewan parlemen, pemecatan president dan menteri2 dalam cabinet Nkrumah dan pengharaman party convention ra'ayat, tetapi tidak pula menyebut sama ada satu2 dewan atau majlis baharu di-bentuk untuk menggantikan puchok pimpinan di-Accra itu.

Menurut setengah2 kalangan apa yang dapat di-jadikan pegangan ia-lah pegawai dan tentera yang di-bawah pemerintahan-nya telah menguasai station radio Accra, dan semua perhubungan biasa dengan dunia luar terputus, ia-itu chara2 permulaan yang biasanya di-lakukan oleh rampasan kuasa pehak tentera, di-mana2 jua.

Kwame Nkrumah president pertama bagi Republik Ghana

di-sebut orang sebagai pemimpin yang patriotik, pemimpin kebangsaan Afrika yang modern dan tokoh politik terkemuka dalam perjuangan ra'ayat Afrika kerana kemerdekaan, hingga dia menggelarkan diri-nya sebagai Osagyefo, atau manusia penyelamat.

KWAME NKUMAH

Menurut riwayat ringkas, dia ada-lah anak sa-orang tukang emas dari Gold Coast atau Pantai Emas, dan biasa mengelami kehidupan yang miskin ketika mengembara di-Amerika dan Britain, kerana menuntut ilmu pendidekan dalam tahun 1935, selepas mendapat didekkan di-Accra.

Sa-lepas mendapat Ijazah Bachelor of Arts dari Lincoln University di-Pennsylvania dalam tahun 1939, Nkrumah melanjutkan pelajaran falsafah di-University of Pennsylvania dan seterusnya di-Lincoln Theological Seminary.

Selain dari pernah menjadi pensharah di-Lincoln University, menjadi buroh kasar di-Limbongan Kapal Nkrumah dalam percamporan-nya dengan orang2 Negro, memperolehi pengalaman pemimpin dan akhir-nya menjadi Yang Di-Pertua Kesatuan Penuntut2 Afrika di-Amerika dan Canada. Nkrumah juga mempelajari politik Afrika Barat dan dalam tahun 1942, dengan tekad baru, memberikan cheramah mengutok dasar penjajahan British.

KA-BRITAIN

Sa-lesai mengaji di-Amerika, dalam tahun 1945 Nkrumah mengaji di-London. Selama di-Britain Nkrumah mulai melekatkan minat utama dalam kegiatan2 politik kebangsaan, selain dari memainkan peranan utama dalam beberapa pertubuhan Afrika Barat hingakan Nkrumah di-angkat menjadi Setiausaha Agong Secretariat Afrika Barat yang di-bentuk selepas di-adakan Congress Pan Afrika di-Manchester dalam tahun 45 itu.

Tahun 1947, Kwame Nkrumah kembali ka-tanah ayer-nya Ghana, selepas dia di-tawarkan menjadi Setiausaha Agong Convention Pantai Emas Bersatu atau United Gold Coast Convention yang di-tubuhkan oleh Dr. Joseph Danquah untuk mengembangkan tanggong jawab nasional.

Dalam tahun 1949, Nkrumah menubuhkan Party Convention Ra'ayat sa-telah berselisih faham dengan Dr. Danquah. Awal dalam tahun itu Nkrumah

di-penjarakan, kerana apa yang di-sebut melancarkan satu mogok yang di-haramkan oleh kerajaan.

Nkrumah dalam penjara hingga di-jalankan satu pilihan raya umum selepas satu perlembagaan baharu di-ujudkan dalam tahun 1951. Dalam pertarongan pilihan itu, Party Convention pimpinan Nkrumah menang, yang akhir-nya Nkrumah di-bebaskan dari tahanan.

Nkrumah menubuhkan sa-buah kerajaan dan menjadi Perdana Menteri pertama Ghana.

PRESIDENT

Pilihan raya bulan Jun tahun 1954 dan bulan Julai 1956 juga memberikan kemenangan kepada Nkrumah, hingakan sa-buah negara baharu Ghana yang merdeka terlaksana dalam tahun 1957, dan Nkrumah sendiri menghadiri persidangan Commonwealth di-London dalam tahun itu.

Ghana menjadi sa-buah republik pada 1 Julai tahun 1960, dan Nkrumah lagi di-angkat menjadi president pertama, bagi negeri itu.

Projek Sungai Volta di-laksanakan dalam usaha untuk mengeluarkan kuasa hidro-lektrik bagi perusahaan2 aluminium dan sebagai-nya.

Atas kebijaksanaan Nkrumah, sidang pertama negara2 Afrika merdeka telah di-adakan di-Accra dalam tahun 1958, ia-itu pertama di-benua itu. Dalam tahun 1961, nyata lahir-nya perkembangan baru di-Ghana apabila Nkrumah membolot agak semua puchok pimpinan, hingakan dia melantek diri-nya sebagai Penglima Tertinggi Angkatan Bersenjata Republik Ghana.

Nkrumah menchapai satu lagi kejayaan apabila persetujuan di-chapai dalam tahun 1964, untuk meminda perlembagaan, ia-itu di-adakan party

politik bersystem satu party sahaja, seperti yang di-pegangnya, sebelum rampasan kuasa. Dalam lain2 perkataan Party Convention Ra'ayat Nkrumah menjadi sa-buah party tunggal bersystem satu party, dan menjadi hanya party yang halal di-Ghana.

PENENTANGAN

Bagaimana pun penentangan tetap nyata, memandang kepada ada-nya beberapa perchubaan hendak membunuh Nkrumah.

Menurut kalangan di-Accra dan setengah2 negara asing, di-sebabkan Kwame Nkrumah mensifatkan diri-nya sebagai Ketua Turus dan president samor hidup, maka Nkrumah sendiri sekurang2-nya menjadi pemimpin di-Afrika yang diserang oleh "coup" itu.

Di-sini menunjukkan Nkrumah mempunyai musuh di-dalam negeri ia-itu dari mereka yang merasai kurang puas dengan sikap-nya itu, hingakan rampasan kuasa baru2 ini, dapat di-jadikan bukti.

Mereka menyatakan Nkrumah ada-lah tidak ubah tujuannya selaku pemimpin kuku besi atau dictator, kerana dasarnya yang semakin terkeluar dari landasan2 yang di-perlukan oleh nasionalist.

Tragedy republik Ghana dan tragedy sama ada pentadbiran Nkrumah sudah di-runtuhkan atau sebaliknya tetap menjadi tragedy Afrika, kerana peristiwa ini berlaku di-benua itu sendiri.

Hingga renchana ini di-tulis belum lagi di-ketahui benar siapakah orang-nya di-sebalik rampasan kuasa ini, tetapi menurut laporan terakhir bahawa sa-orang tokoh politik terkemuka Afrika yang menentang Nkrumah, sekarang berada di-London menganjorkan gerakan rampasan kuasa itu, sedangkan Dr. Kwameh Nkrumah sendiri maseh berada di-Peking.

Jawatan Kosong dalam Pejabat Buroh

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat di-dalam Perkhidmatan Kerajaan dan menjadi ra'ayat D.Y.M.M Sultan untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pemeriksa Buroh di-Pejabat Buroh, Brunei.

Gaji—Dalam sukatan gaji C.2 \$660x30 - 900.

Kelayakan2 dan Pengalaman—Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan Form IV Inggeris dan telah berkhid-

mat dengan Kerajaan selama sekurang2-nya 3 tahun.

Permohonan2 hendak-lah dihantar melalui Ketua Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2, bersama2 dengan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-dapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah dihantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 12 Mach, 1966.

JAWATAN JAWATAN KOSONG DAN TAWARAN

JURUTERA

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 Jurutera dalam Perjawatan Kejuruteraan Awam di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Chalon2 yang di-lantek akan bertanggung jawab merancang pembikinan dan menjaga jalan2 raya dan jambatan2, bangunan2, tali ayer dan kerja2 di-kawasan pembangunan, benaan, dan lain2 perkhidmatan Kejuruteraan Awam dan sebagai-nya yang di-bawah jagaan Jabatan Kerja Raya.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mesti-lah lulus Bahagian2 I dan II peperiksaan 'Institution of Civil Engineers' atau mempunyai Ijazah Kejuruteraan atau diploma dari sa-buah Universiti atau Maktab yang di-akui yang membebaskan dari peperiksaan2 ini.

Setelah memperoleh kelayakan tersebut chalon2 mesti-lah berpengalaman selama tidak kurang dari dua tahun dalam bidang Kejuruteraan Awam, perancangan, pembentokan, dan pembangunan, dalam mana satu tahun dari-nya ia-lah pengalaman bekerja di-luar pejabat.

Umor tidak kurang dari 26 tahun dan pengetahuan berbahasa Melayu ada-lah satu keuntongan.

Gaji:

Dalam sukatan mata wang Malaysia \$1020 x 40-1620 x 50-1820 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan:

Sechara berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekira-nya kedua2 pehak bersetuju.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhid-

matan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir lanjut mengenai chuti, tambang, dll., boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Mach, 1966.

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei, sehingga jam 4.00 petang pada hari Ithnin 14 Mach, 1966, untuk:-

Mengadakan 30 Rik (Bicycle Racks) Tempat Menyimpan Basikal yang di-perbuat daripada besi sesuai menempatkan 12 buah basikal dengan perlengkapan tiang2 dan atap zinc. Jarak di-antara tempat2 Rik yang di-letak-kan tiap2 sa-buah basikal itu ia-lah 12 inchi dan sukatan2-nya ada-lah berikut:

Sukatan Tinggi di-bahagian depan — 64".

Sukatan Tinggi di-bahagian belakang — 57".

Buka-nya — 68".

Buka atap dari hujung ka-hujung atap — 72".

Hendak-lah di-sebutkan be-

rapa lama Tempat Menyimpan Basikal itu boleh di-adakan.

Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

Butir2 kenyataan boleh dilihat di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait pada bila2 masa waktu bekerja.

Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkeataannya "MENGADAKAN 30 BUAH RIK (RACKS) TEMPAT MENYIMPAN BASIKAL UNTUK LEMBAGA BANDARAN, KUALA BELAIT" di-tulis.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sebarang tawaran.

KETUA PERPUSTAKAAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan sebagai Ketua Perpustakaan di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Mempunyai ijazah "master" tahun kelima di-dalam sains perpustakaan termasuk sa-kurang2-nya tiga

tahun pengalaman di-dalam perpustakaan; atau

(b) Mempunyai "Fellowship of the Library Association London"; atau

(c) Mempunyai kelulusan2 dan pengalaman2 yang sebanding dengan (b).

Gaji—Dalam sukatan

\$1020x40-1620x50-1720. atau

Penyiasat Hal Ehwal Ugama

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak untuk di-daftarkan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan kosong sebagai Penyiasat Hal Ehwal Ugama di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(i) Umor di-antara 18 tahun hingga 35 tahun.

(ii) Mesti-lah lulus sekurang2-nya darjah V Sekolah Melayu.

(iii) Hendak-lah mengetahui ilmu dan rukun2 hal ehwal Ugama Islam.

(iv) Satu peperiksaan me-

ngenai pengetahuan hal ehwal ugama Islam akan di-adakan.

(v) Pegawai2 yang berpengalaman dalam bidang ini ada-lah di-utamakan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$280x 10-330.

Permohonan2 mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan di-kembalikan kepada Pengerusi Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mach, 1966.

\$1100x40-1620x50-1820.

Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan — Sechara berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekira-nya kedua2 pehak bersetuju.

Baksis — Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan — Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dll., boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, tidak lewat daripada 1 April, 1966.

PEMBACHA RANG

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pembacha Rang ("Proof Reader") di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Kelayakan2:

Lulus darjah V Melayu dan Form III Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$300x70-480/EB/500x20-620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohi di atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 12 Mach, 1966.

Jawatan2 Kosong Dalam Jabatan Siaran Radio Dan Penerangan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut dalam Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei:-

(a) PEMBANTU TEKNIK TINGKAT II (5 jawatan kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mempunyai Sijil Persekolahan Seberang Laut atau kelayakan yang sebanding dengan-nya dan City and Guilds of London Institute's Intermediate Telecommunications Technician Certificate atau kelayakan yang sebanding dengan-nya.

Mempunyai pengalaman dalam bidang penyiaran selama sekurang2-nya tiga tahun.

Gaji:

Dalam sukatan \$660x30-900 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

(b) PEMBANTU TEKNIK TINGKAT III (7 jawatan kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Lulus Form III atau Brunei Junior atau kelayakan yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian (credit) dalam Ilmu Sains dan Ilmu Hisab. Mereka yang mempunyai Sijil City and Guilds dalam perkara2 berkaitan dengan Radio akan mendapat kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan \$210x10-260/270 x15-360/380 x 20-480/EB/500 x 20-620.

Syarat Lanjutan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perhubungan selama 6 bulan yang pertama. Pemohon yang terdiri dari ra'ayat D.Y.

M.M. Sultan atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri jawatan tetap selepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Chalon yang di-lantek sechara berkontrek akan di-bayar baksis sebanyak 12½% dari gaji bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 24 Mach, 1966.

JAWATAN2 KOSONG DAN TAWARAN

Pengelola Perkembangan Bahasa

PERMOHONAN ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan kosong sebagai Pengelola Perkembangan Bahasa di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (a) (i) Mempunyai kelulusan Sekolah Menengah Tertinggi dan termasuk bahasa Melayu atau kelulusan yang sebanding dengan-nya; dan
- (ii) Mempunyai Diploma yang di-akui oleh Kerajaan dalam sesuatu perkara yang mengenai bahasa; atau
- (iii) Mempunyai pengetahuan bahasa yang sebanding dengan-nya; atau
- (b) (i) Mempunyai pengalaman dalam hal perkembangan bahasa sekurang-nya selama lima tahun; dan
- (ii) Mempunyai sesuatu Diploma yang di-akui oleh Kerajaan yang berkaitan dengan perkembangan bahasa.

Bagi orang yang tidak mempunyai kelayakan yang disebutkan di-atas akan dipertimbangkan juga, jika di-dapati persesuaian kelayakan-nya itu dengan pekerjaan yang hendak dijalankan.

Gaji:

Dalam tangga gaji C.3-4 \$930x30-1200 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalon yang berjaya yang bukan ra'ayat Sultan akan di-beri kontrak selama 3 tahun termasuk-lah 6 bulan masa percubaan. Chalon yang terdiri dari ra'ayat Sultan atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan akan di-beri jawatan tetap selepas satu tempoh percubaan.

Baksis:

Chalon yang di-lantik se-chara berkontrak akan di-bayar baksis sebanyak 12½% dari gaji tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Mach, 1966.

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengurus, Lembaga Tawaran2 di-Jabatan Kewangan Negara, Brunei, di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan Brunei di-tingkat bawah, dari orang2 ramai sa-hingga jam 4.00 petang Hari Ithnin 14 Mach, 1966.

BAGI MEMBELI RUBOHAN2 (KAYU2 PERKAKAS) RUMAH2 YANG TELAH DI-KUSONGKAN OLEH ORANG2 PERPINDAHAN DI-KAMPONG AYER YANG TERSEBUT DI-BAWAH INI:—

1. Aw. Yahya bin Haji Lamit, Lurong Sikuna, keluasan-nya lebeh kurang 512 kaki persegi.
2. Aw. Ibrahim bin Abd. Rahman, Ujong Tanjong, keluasan-nya lebeh kurang 1,751½ kaki persegi.
3. Aw. Metali bin Mohammad Ujong Bukit, keluasan-nya lebeh kurang 1,261 kaki persegi.
4. Aw. Kellaly bin Dullah, Bendahara Lama, keluasan-nya lebeh kurang 1,014 kaki persegi.
5. Aw. Kadir bin Lakim, Kerma Indera Lama, keluasan-nya lebeh kurang 798 kaki persegi.
6. Aw. Matyassin b. Ahmad, Kerma Indera Lama, keluasan-nya lebeh kurang 1,398½ kaki persegi.
7. Aw. Hj. Md. Daud bin Salleh, Lurong Dalam, keluasan-nya lebeh kurang 1,107 kaki persegi.
8. Aw. Abd. Latif bin Aw. Osman, Sumbiling, keluasan-nya lebeh kurang 1,264 kaki persegi.
9. Aw. Merali bin Duraman, Peramu, keluasan-nya lebeh kurang 1,969½ kaki persegi.
10. Aw. Bakar bin Othman, Peramu, keluasan-nya lebeh kurang 1,178 kaki persegi.
11. Aw. Hj. Ahmad bin Salleh, Peramu, keluasan-nya lebeh kurang 1,362 kaki persegi.
12. Aw. Ibrahim bin Hj. Duraman, Peramu, keluasan-nya lebeh kurang 1,444½ kaki persegi.
13. Pg. Besar bin Pg. Bungso, Peramu, keluasan-nya lebeh kurang 951½ kaki persegi.
14. Aw. Hj. Tengah bin Pudin, Peramu, keluasan-nya lebeh kurang 2,491 kaki persegi.
15. Aw. Metali bin Munap, Saba Darat, keluasan-nya lebeh kurang 1,144 kaki persegi.

Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

Bentuk rupa rumah dan keadaan-nya boleh-lah di-lihat sendiri oleh orang yang berkehendakan-nya, dan penera-

ngan2 yang lain boleh di-dapati dari Jabatan Perpindahan di-bila2 masa waktu bekerja.

Tawaran2 itu mesti-lah dinyatakan dengan terang-nya, ia-itu harga bagi membeli rubohan2 (kayu2 perkakas rumah) bekas rumah (nyatakan nama tuan rumah yang telah berpindah dan nama kampung-nya) termasuk upah merubohkan-nya, dan meninggal-kan kawasan itu dengan bersekh. Atau harga bagi membeli rubohan2 (kayu2 perkakas rumah sahaja) tidak meruboh-nya. Penawar2 yang berjaya akan di-beri tahu dengan surat oleh Jabatan Perpindahan Kampong Ayer.

Penawar2 yang berjaya hendak-lah membayar harga-nya ka-Jabatan Perpindahan Kampong Ayer terdahulu dari meruboh atau mengambil kayu2 dari rubohan2 rumah itu.

TAWARAN2 MESTI-LAH DI-MASOKKAN KA-DALAM SAMPOL2 SURAT BIASA YANG BERTUTOP. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenai siapa nama si-penawar itu.

Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamat-kan kepada Pengurus, Lembaga Tawaran2 di-Jabatan Kewangan Negara, Brunei, di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan Brunei di-tingkat bawah.

Penawaran2 hendak-lah dinyatakan dengan terang-nya di-atas sampol surat dengan perkataan-nya:—

“TAWARAN MEMBELI RUBOHAN2 RUMAH2 ORANG PERPINDAHAN”

Tawaran2 yang di-terima dalam sampol surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

Tawaran2 hendak-lah ditulis dengan da'awat atau di-taip dengan terang-nya.

Nama dan alamat penawar hendak-lah di-tulis dengan huruf besar atau di-taip.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sabarang tawaran.

Imam dan

Pengawas Masjid

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak bagi di-daftarkan sedemikian untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Askar Melayu Di-Raja, Brunei:—

(1) IMAM: (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 tahun dan 40 tahun, tahu menulis dan membaca dan mengetahui tugas2 berkaitan dengan jawatan yang di-min-ta.

Pepereksaan bertulis akan di-adakan dalam perkara2 yang berikut:—

Ibadat, Munakahat, Jinayat dan Tauhid.

Satu temu-duga dalam perkara2 yang berikut akan juga di-adakan:—

Bachaan Al-Quraan, Bachaan dalam sembahyang dan Khutbah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$240x10-340. \$350x10-400. \$410x10-480.

Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

(2) PENGAWAS MASJID:

(1 jawatan)

Kelayakan2:

Berumur di-antara 20 tahun dan 40 tahun, tahu menulis dan membaca dalam bahasa Melayu dan mengetahui serba sedikit pengetahuan Ugama.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$290x20-350. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Pegawai Pemerintah, Askar Melayu Di-Raja, Brunei, tidak lewat dari 11 Mach, 1966.

Guru Ugama di-Jabatan Askar Melayu Di-Raja Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Guru Ugama Terlatih di-Jabatan Askar Melayu Di-Raja, Brunei.

(i) Umur di-antara 18 hingga 45 tahun.

(ii) Lulus Darjah Khas Ugama Johor atau pun sebanding dengan-nya.

(iii) Lulus Darjah V Sekolah Melayu atau sebanding dengan-nya.

Gaji:

Dalam tingkatan gaji \$350-

370-380x20-560 sa-bulan.

Sharat2 Lantikan:

Kontrak selama 3 tahun termasuk masa percubaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrak ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang,

chuti dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Pegawai Pemerintah, Askar Melayu Di-Raja, Brunei, tidak lewat dari 24 Mach, 1966.

MENUNTUT PELAJARAN UGAMA DI-SINGAPURA DAN DI- GUNONG SEMANGGOL

BERAKAS. — Seramai 10 orang penuntut2 dari Sekolah2 Uagama di-Negeri Brunei, ia-itu mengandongi 5 orang penuntut2 lelaki dan 5 orang penuntut2 perempuan telah berangkat ka-luar negeri dengan kapal terbang pada tengah hari Ahad 27 Februari, 1966 untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam hal ehwal uagama atas beasiswa Kerajaan Brunei.

Penuntut2 lelaki itu akan melanjutkan pelajaran di-Sekolah Arab Al-Junied, Singapura, manakala penuntut2 perempuan pula akan melanjutkan pelajaran masing2 di-Sekolah Arab Maahad Al-Ehya Asshariff, Gunong Semanggol, Perak, Malaya.

Penuntut2 lelaki tersebut ialah: —

Awang Md. Lazim bin Metali dari Sekolah Uagama Keriam, Tutong.

Awang Sarbini bin Haji Md. Tahir dari Sekolah Uagama Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei.

Awang Rosli bin Metussin dari Sekolah Uagama Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Awang Ibrahim bin Abdullah dari Sekolah Uagama Pengkalan Batu, Daerah Brunei.

Awang Zaini bin Talib dari Sekolah Uagama Sengkunong.

Penuntut2 perempuan yang telah berangkat ka-Gunong Semanggol untuk melanjutkan pelajaran uagama ada-lah seperti berikut:—

Dayang Noor binte Mahdi dari Sekolah Uagama Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Dayang Zalinah binte Omar dari Sekolah Uagama Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei.

Dayang Ajinah binte Abdul Rahman dari Sekolah Uagama Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Dayang Rosnah binte Mohamed dari Sekolah Uagama Pengkalan Batu.

Dayang Masnah binte Gedi dari Sekolah Uagama Sengkunong.

Di-antara ramai para hadirin di-Lapangan Terbang Berakas yang telah mengucapkan "Selamat belajar di-luar negeri" kepada penuntut2 tersebut pada tengah hari Ahad yang lalu ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin; Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Uagama Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin; Pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Uagama Brunei; keluarga2 dan sahabat2 handai penuntut2 tersebut.

Perjumpaan Hari Jadi Penaja Pengakap

SERIA. — Pengakap2 di-Daerah Belait telah mengadakan satu perjumpaan bagi memperingati Hari Jadi Penaja Pertubuhan Pengakap Sa-Dunia mendiang Lord Baden Powell, bertempat di-Ibu Pejabat Pengakap SERIA pada petang 22 Februari, 1966.



Gambar ini di-ambil pada masa pelumba2 bersedia untuk berlumba dalam Perlumbaan Basikal anjoran P.G.G.M.B. sa-jauh 16 batu

dari Pekan Muara ka-Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at yang lalu.



Dua orang pelumba kelihatan dalam gambar ini mengayoh basikal masing2 dengan laju-nya di-

temasha Perlumbaan Basikal anjoran P.G.G.M.B. baru2 ini.

BERLATEH DI-ENGLAND

BERAKAS. — Dua orang penuntut2 dari Brunei telah berangkat ka-United Kingdom dengan kapal terbang baru2 ini untuk melanjutkan pelajaran masing2 di-sana atas beasiswa Kerajaan Brunei.

Mereka ia-lah Awang Mustapha bin Haji Abdul Rahman dan Awang Abu Hanifah bin Mohamed Salleh.

Awang Mustapha, berumur 20 tahun, ia-lah sa-orang bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Ia akan berada di-luar negeri selama kira2 tujoh tahun dan berhajat mempelajari Ilmu Undang2.

Awang Abu Hanifah, ber-

umur 21 tahun, ia-lah juga sa-orang penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Ia akan mempelajari hal ehwal yang bersangkutan paut dengan Pelajaran selama kira2 enam tahun.

★ ★ ★

Pelumba2 yang berjaya dalam Perlumbaan Basikal anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei pada pagi hari Juma'at 25 Februari, 1966. Dari kiri Awangku Ahmad bin Pengiran Apang, Ronald Thomas dan Inspektor Joseph Chin.



Lord Baden Powell telah dilahirkan pada 22 Februari, 1857 dan telah di-kenali sa-bagai "Bapa Pengakap2 Sa-Dunia".

Berbagai2 achara, sesuai dengan hari yang berperistiwa itu, telah di-adakan di-temasha tersebut.